

**SULIT**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**September**

**2 ¼ jam**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan membeli barang buatan tempatan**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Slogan "Membaca Jambatan Ilmu" menunjukkan bahawa aktiviti membaca mendatangkan pelbagai faedah kepada seseorang.

Huraikan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menjadikan membaca sebagai amalan hidup.

- 2 Perasaan saling menyayangi dan hormat-menghormati sesama ahli keluarga dapat membentuk masyarakat penyayang.

Berikan pandangan anda tentang peranan ibu bapa dalam melahirkan individu yang penyayang.

- 3 Keadaan cuaca yang tidak menentu dan aktiviti pembangunan yang tidak terancang di sesetengah kawasan di negara kita telah mengakibatkan kejadian tanah runtuhan.

Tulis sebuah rencana tentang cara-cara untuk mengatasi kejadian tanah runtuhan.

- 4 Kemasukan pendatang asing yang semakin bertambah di rantau ini telah memberi kesan kepada rakyat dan negara.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara jiran untuk mengatasi masalah tersebut.

- 5

Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebijinya di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

Pantun di atas menjelaskan bahawa budi dan jasa seseorang perlu dihargai.

Sebagai seorang pelajar, bincangkan sumbangan yang boleh anda berikan sehingga pihak sekolah dapat menghargai budi dan jasa anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
September

1103/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 1: Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan ibu bapa dalam mengatasi kemerosotan pencapaian akademik pelajar dan kepentingan pencapaian akademik bagi masa depan pelajar. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa di negara ini amat mementingkan pencapaian akademik anak mereka. Namun akhir-akhir ini banyak masalah yang mengganggu pencapaian akademik pelajar seperti masalah tidak berminat belajar, ponteng sekolah, dan masalah disiplin. Masalah ini perlu ditangani segera supaya tidak menular sehingga menggugat pembangunan modal insan di negara ini. Masalah tidak berminat terhadap pelajaran bukan sahaja menyebabkan masa depan pelajar menjadi suram malah *boleh menjelaskan nilai moral*. Hal ini demikian kerana pelajar yang tidak berminat terhadap pelajaran banyak melibatkan diri dalam kes jenayah terutama pelajar yang suka ponteng sekolah.

Menurut kajian psikologi, masalah perhubungan dalam keluarga menyebabkan seseorang anak itu tidak mempedulikan pencapaian akademiknya dan melakukan vandalisme malah terjerumus dalam kegiatan jenayah. Begitu juga dengan ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan hidup tidak akan dapat mendidik anak secara sempurna. Tambahan pula, perubahan sistem sosial dan persekitaran mudah mempengaruhi tingkah laku anak-anak menyebabkan mereka melakukan perbuatan negatif, bersikap agresif dan enggan mendengar nasihat. Hal ini mengecewakan ibu bapa mereka.

Bagi mengatasi masalah kemerosotan pencapaian akademik ini, ibu bapa perlu memberikan tumpuan kepada punca berlakunya kemerosotan tersebut. Apabila mengetahui puncanya akan memudahkan masalah itu diatasi. Ibu bapa perlu sedar bahawa peranan mereka amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak. Ibu bapa juga perlu mengutamakan kebahagiaan rumah tangga dan mengelakkan tercetusnya masalah sehingga menjelaskan hubungan kekeluargaan kerana anak-anak ialah kurniahan Tuhan yang tidak ternilai.

Dalam dunia realiti, keluarga yang bahagia tidak semestinya melahirkan anak-anak yang bijak. Namun dengan cara menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar sentiasa harmoni di samping mendidik anak-anak dengan cara meluangkan banyak masa bersama dengan mereka seperti ketika belajar dan beriadah akan dapat membawa hasil yang positif. Tidak kurang pentingnya juga ialah ibu bapa perlu mempelajari cara-cara yang berkesan untuk membimbing anak-anak.

Menurut pakar psikologi, langkah praktis yang lain adalah dengan memberikan pujian yang ikhlas atas sesuatu kejayaan terutama dalam pelajaran atau tingkah laku yang baik. Anak-anak juga suka memberikan pendapat mereka, jadi berilah peluang kepada mereka untuk melahirkan pendapat walaupun pendapat itu mungkin kurang munasabah mengikut pandangan orang dewasa. Anak-anak yang selalu diminta memberikan pendapatnya akan berasa diri mereka lebih dihargai. Ibu bapa juga perlu mendengar keluhan anak-anak agar dapat mengatasi masalah emosi mereka. Dalam usaha melahirkan generasi cemerlang, segala usaha perlu bermula daripada institusi keluarga kerana mereka merupakan tonggak penting dalam sesebuah keluarga.

(Dipetik dan diubahsuai daripada  
Dilema Kemerosotan Pencapaian Akademik  
oleh Tam Cai Lian,  
Dewan Masyarakat, April 2009)

**Soalan 2 : Pemahaman****Soalan 2(a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *boleh menjelaskan nilai moral*. [2 markah]
- (ii) Apakah punca-punca yang menyebabkan anak-anak melakukan perbuatan negatif? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka? [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kucintai Sungai Ceper sama seperti kucintai ibu. Ia bermula dari satu titik air dan kemudian berkembang menjadi besar dan akhirnya membentuk dirinya sebagai sebuah sungai yang panjang berliku-liku membawa kejernihan yang benar-benar sejahtera dengan arus yang kuat mendukung ketenteraman. Pasir-pasir yang berbiji halus, batu-batu kerikil yang berkilat mengalir di bawah bersama ikan yang cergas.

Saling tidak tumpah seperti ibu yang rancak ke sana rancak ke sini seperti air terjun. Ibu tidak boleh tinggal diam sepanjang hari, sama seperti air Sungai Ceper yang bergerak bersama ikan, menampar tebing yang berselekok, memasuki lubuk-lubuk yang dalam.

Ibu juga bergerak di mana sahaja dia berada. Kalau di baruh, ibulah yang menjak dan menyisir selut. Ibulah yang pikul gemal dan tanam benih-benih itu dengan tulang empat kerat ibu yang tidak pernah tidak bermaya itu. Kelak ibulah yang mengejar burung apabila padi menguning. Dan ibu jugalah yang menuai apabila padi masak sampai habis gemal-gemal itu dijunjung masuk jelapang.

Ceper pun serupa. Ia memancutkan airnya begitu deras bagaikan anak panah yang baru sahaja lepas dari busurnya. Dan pancutan itu menebuk tebing hingga mencipta lubuk yang dalam-dalam, menyusur dasar bersama ikan-ikan yang bercahaya matanya, bersama anak-anak dan bapa-bapa udang, bersama lumut yang lembut kehijau-hijauan dan bercahaya seperti manik-manik dipanah cahaya lampu.

(Dipetik daripada  
cerpen 'Ibu dan Ceper'  
oleh Shahnon Ahmad  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan bukti-bukti yang menunjukkan kesibukan ibu dalam petikan di atas.  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menunjukkan kasih sayang anak terhadap ibu. Nyatakan tiga cara tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Nyatakan satu pengajaran dalam petikan cerpen di atas dan tiga pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Apabila jurumudi dan Mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, masuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, "Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin berminyak, tetapi tua ayahanda tua cendawan makin tua makin busuk!"

Tuanku Nakhoda menjadi tersentak, "Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapakah kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?"

"Kerana mata ayahanda sudah kabur dan telinga ayahanda sudah pekak, sebab itulah anakanda berkata demikian. Cubalah ayahanda lihat siapakah di dalam petak jubung yang dilingkari tali sauh itu?"

Tuanku Nakhoda Tua segera menjengah ke petak jubung. Dilihatnya ada seorang muda yang sangat tampan dengan wajahnya berseri-seri bagi purnama empat belas hari bulan. Baginda tertegun kaum lalu kembali bertanya kepada puterinya. "Hai anakanda, siapakah pemuda yang di dalam jubung itu?"

"Dialah budak hitam yang meminta tolong bayarkan hutangnya kepada ayahanda dulu, tetapi telah ayahanda nyahkan dia."

"Siapa namanya?"

"Itulah Awang Sulung Merah Muda, anak Tuanku Si Helang Laut, cucu kepada Tuanku Si Helang Mawai. Dialah yang sebenarnya *bertanggungjawab memelihara gelung* dan isinya selamanya ini. Sekarang marilah ayahanda lihat isi gelung kita ini, telah penuhlah dengan wang dinar emas pemberian bajak laut."

(Dipetik daripada  
'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *bertanggungjawab memelihara gelung*. [2 markah]
- (ii) Siapakah Awang Sulung Merah Muda? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah yang harus dilakukan oleh warga tua untuk menjadikan hidupnya lebih bermakna? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2 (d) - Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**KECEK (V)**

Awang Abdullah

1

seorang pengarah  
membuka akaun semasanya  
di sebuah bank ternama  
tetapi dalam diam  
dia mencantum kemiskinan  
orang lain  
ke dalam amanahnya  
yang telah lama pecah.

2

di kampung  
seorang petani  
membuka akaun kemiskinannya  
di ruang kedaifan  
dan mengunci sedozen anak-anaknya  
di dalam pagar sengsara  
tetapi dia tidak pernah mencantum  
kekayaan orang lain  
*ke dalam getirnya*  
*yang sudah lama*  
*berumbi.*

3

di pantai  
seorang nelayan  
membuka akaun sengsaranya  
di rahang laut ternganga  
dan mengurung sederet anak-anaknya  
di bawah pusaran nasib  
tapi dia tidak pernah mengumpul  
kesenangan orang lain  
*ke dalam kegusarannya*  
*yang telah sekian musim*  
*berlumut*  
di papan hidupnya.

4

Tuhan tidak pernah mungkir  
mencatatkan setiap angka  
dan nilai hitungan paling kecil  
ke dalam akaun-Nya  
di rumah keadilan.

**AWANG ABDULLAH**

Antologi Dirgahayu Bahasaku  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Dalam rangkap kedua dan ketiga sajak ini penulis menyatakan persamaan antara kehidupan seorang petani dengan seorang nelayan.  
Berikan satu persamaan tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimakah masalah kemiskinan dalam masyarakat dapat ditangani? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) seniman
- (ii) budiman
- (iii) hartawan
- (iv) karyawan
- (v) peragawati
- (vi) olahragawati

**[6 markah]**

- (b) Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak boleh diselesaikan oleh ibu bapa sekiranya mereka mengambil langkah pencegahan awal.
- (ii) Kursus perhubungan awam telah ditawarkan oleh kebanyakan kolej dan universiti di negara kita.
- (iii) Isu pembuangan bayi perlu kita tangani dengan segera demi menjaga imej negara.

**[6 markah]**

- (c) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Perpaduan ialah kunci pemakmuran dan kesejahteraan negara. Tanpa perpaduan, negara akan berada dalam keadaan kucar kacir dan masyarakat tidak lagi dapat hidup aman dan damai. Perpaduan dapat melahirkan melalui hubungan baik dengan jiran. Jiran yang baik ialah jiran yang berjaya memupok semangat muhibbah, saling dipercayai dan mengamalkan perkongsian pintar sesama mereka.

**[6 markah]**

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Peristiwa semasa berkhemah di Taman Negara itu meninggalkan ingatan manis yang sukar dilupakan olehku.
- (ii) Kegiatan pemerdagangan orang telah mendapat prihatin dunia dan menjadi isu antarabangsa di masa ini.
- (iii) Ayah mencantas semak samun di kebunnya pada tiap hujung minggu.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.

- (i) Mengharapkan sesuatu yang belum tentu dapat, barang yang ada dibuang.
- (ii) Orang yang tidak tahu membaiki sesuatu benda, tetapi cuba membaikinya hingga benda itu menjadi rosak.
- (iii) Jangan sengaja mencari kesusahan.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- (i) *Papa...( akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof
- (ii) *Renyah* karya Gunawan Mahmood
- (iii) *Afza Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
- (v) *Interlok* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vii) *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan tema novel tersebut.

**[7 markah]**

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari,uraikan satu latar masyarakat dalam setiap novel.

**[8 markah]****KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/1 (PP)  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Peraturan  
Pemarkahan  
September  
2011



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

|2

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**Kertas 1****Markah penuh : 100****1.0 Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam :**

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar, dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)****KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>CEMERLANG</b>	<b>26 – 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugasan bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Isi relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan serta diuraikan dengan matang.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>20 – 25</b> (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tugasan bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi</li> <li>• Isi relevan dengan tema bahan rangsangan</li> </ul>

		<p>dan dihuraikan dengan jelas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan serta dihuraikan dengan jelas.</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tugasan bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik dan huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<b>10 – 14</b> (12 – 14) (10 - 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/kurang</b> menepati tugasan bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan <b>yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>



**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN****Bahagian [ 30 markah ]**

Diharapkan calon-calon dapat menghuraikan kebaikan membeli barang buatan tempatan berdasarkan gambar yang disediakan. Calon-calon diharapkan agar mengutamakan kebaikan membeli barang buatan tempatan yang terdapat dalam bahan rangsangan. Isi-isi lain boleh diberikan sebagai tambahan.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
  - 2.1 Menjimatkan perbelanjaan keluarga
  - 2.2 Menyemai semangat patriotisme.
  - 2.3 Memajukan industri tempatan.
  - 2.4 Meningkatkan imej negara.
- 3.0 Kesimpulan

**Bahagian B [100 markah]**

- 1 Slogan "Membaca Jambatan Ilmu" menunjukkan bahawa aktiviti membaca mendatangkan pelbagai faedah kepada seseorang.

Huraikan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menjadikan membaca sebagai amalan hidup.

***Diharapkan calon dapat menghuraikan usaha-usaha yang perlu mereka lakukan untuk menjadikan membaca sebagai amalan hidup.***

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
  - 2.1 Sentiasa mengunjungi perpustakaan di sekolah / tempat awam.
  - 2.2 Mengambil bahagian secara aktif dalam Program Nilam.
  - 2.3 Menyertai aktiviti-aktiviti membaca yang dianjurkan.
  - 2.4 Rajin melawat pameran buku ataupun ekspo.
  - 2.5 Menjadikan amalan membaca sebagai hobi pada waktu lapang.
  - 2.6 Menyediakan peruntukan untuk membeli bahan bacaan setiap bulan.
- 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

- 2 Perasaan saling menyayangi dan hormat-menghormati sesama ahli keluarga dapat membentuk masyarakat penyayang.

Berikan pandangan anda tentang peranan ibu bapa dalam melahirkan individu yang penyayang.

**Diharapkan calon-calon dapat memberikan pandangan anda tentang peranan ibu bapa dalam melahirkan individu yang penyayang.**

**Rangka karangan dicadangkan:**

1.0 Pendahuluan.

2.0 Isi:

- 2.1 Ibu bapa memberi kasih sayang sepenuhnya kepada anak-anak sejak kecil.
- 2.2 Ibu bapa sebagai suri teladan kepada anak-anak.
- 2.3 Ibu bapa bersikap prihatin dan sentiasa berkongsi masalah dengan anak-anak.
- 2.4 Ibu bapa menekankan pendidikan agama atau pendidikan moral.
- 2.5 Ibu bapa menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam program kemasyarakatan.
- 2.6 Ibu bapa menerapkan nilai kasih sayang dalam kehidupan harian.

3.0 Kesimpulan

**Mana-mana isi yang sesuai diterima.**

- 3 Keadaan cuaca yang tidak menentu dan aktiviti pembangunan yang tidak terancang di sesetengah kawasan di negara kita telah mengakibatkan kejadian tanah runtuh.

Tulis sebuah rencana tentang cara-cara untuk mengatasi kejadian tanah runtuh.

**Diharapkan calon-calon dapat menulis rencana tentang cara-cara untuk mengatasi kejadian tanah runtuh.**

**Rangka karangan dicadangkan:**

1.0 Pendahuluan.

2.0 Isi:

- 2.1 Pemaju perlu merangka pembangunan secara terancang dan berhemah.
- 2.2 Membina teres / benteng di lereng-lereng bukit yang berisiko.
- 2.3 Kerajaan mengetatkan undang-undang dan syarat-syarat pembangunan di kawasan tanah tinggi / lereng bukit.
- 2.4 Menanam tanaman tutup bumi.
- 2.5 Kerajaan melarang penebangan pokok-pokok di lereng-lereng

- bukit.
- 2.5 Menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang di kawasan cerun-cerun bukit.
- 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

- 4 Kemasukan pendatang asing yang semakin bertambah di rantau ini telah memberi kesan kepada rakyat dan negara.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara jiran untuk mengatasi masalah tersebut.

***Diharapkan calon-calon dapat membincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara jiran untuk mengatasi masalah tersebut.***

**Rangka karangan dicadangkan:**

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
- 2.1 Mengawal dan mengetatkan semua pintu masuk di kedua-dua negara.
  - 2.2 Kedua-dua buah negara mengadakan rondaan di perairan setiap negara.
  - 2.3 Berkongsi serta saling bertukar maklumat.
  - 2.4 Menyelaraskan undang-undang antara negara.
  - 2.5 Mematuhi undang-undang yang telah digubal untuk kebaikan bersama.
  - 2.6 Bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

5

**Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebijil di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.**

Pantun di atas menjelaskan bahawa budi dan jasa seseorang perlu dihargai.

Sebagai seorang pelajar, bincangkan sumbangan yang boleh anda berikan sehingga pihak sekolah dapat menghargai budi dan jasa anda.

Diharapkan calon-calon dapat membincangkan sumbangan yang boleh pelajar berikan sehingga pihak sekolah dapat menghargai budi dan jasa mereka.

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
  - 2.1 Sentiasa menjaga akhlak dan peribadi yang mulia.
  - 2.2 Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
  - 2.3 Sentiasa bersikap ringan tulang dengan membantu program yang dijalankan di peringkat sekolah.
  - 2.4 Sentiasa memberikan kerjasama kepada rakan dan guru-guru dan staf sokongan sekolah.
  - 2.5 Mengambil bahagian / pertandingan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum yang dianjurkan.
  - 2.6 Membantu pihak sekolah dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
  - 2.7 Menjawat beberapa jawatan penting di sekolah.
- 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

***Disediakan: Panel Pembinaan Item Bahasa Melayu SPM  
Kertas 1 (1103/1) SPM 2011,  
Jabatan Pelajaran Johor.***

***Catatan: Garis Panduan Pemeriksaan ini dibekalkan hanya sebagai panduan dan rujukan guru-guru sahaja. Segala kelemahan yang terdapat harap dapat dibuat penambahbaikan.***

**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
September**

**1103/2****2 ½ jam****Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**BAHASA MELAYU****Kertas 2****PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA****AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**Markah penuh 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- |            |   |                  |
|------------|---|------------------|
| (a) Isi    | - | <b>20</b> markah |
| (b) Bahasa | - | <b>10</b> markah |

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.  
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.  
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/ Kesimpulan										<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>									<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan tugas ibu bapa dalam mengatasi kemerosotan pencapaian akademik pelajar.

2

**Isi Tersurat [4 – 12 markah]****Peranan ibu bapa dalam mengatasi kemerosotan pencapaian akademik pelajar**

1. Ibu bapa perlu memberikan tumpuan kepada punca-punca berlakunya kemerosotan tersebut. 2
2. Ibu bapa perlu sedar bahawa peranan mereka amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak. 2
3. Ibu bapa perlu mengutamakan kebahagiaan rumah tangga/mengelakkan tercetusnya masalah sehingga menjadikan hubungan kekeluargaan. 2
4. Ibu bapa harus menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar sentiasa harmoni. 2
5. Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak dengan cara meluangkan banyak masa bersama dengan mereka. 2
6. Ibu bapa perlu mempelajari cara-cara yang berkesan untuk membimbing anak-anak. 2
7. Ibu bapa memberikan pujian yang ikhlas atas sesuatu kejayaan. 2
8. Ibu bapa perlu memberi peluang kepada anak-anak untuk melahirkan pendapat. 2
9. Ibu bapa perlu mendengar keluhan anak-anak. 2

**Isi Tersirat [4 – 12 markah]****Kepentingan pencapaian akademik**

1. Mudah mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam / swasta 2
2. Mudah mendapat tempat di institusi pengajian tinggi di luar negara. 2
3. Mudah mendapat pekerjaan / dapat memenuhi pasaran kerja / mencapai cita-cita / menceburi kerjaya yang diminati. 2
4. Dipandang tinggi oleh masyarakat/disanjung/dihormati. 2
5. Memperoleh masa depan yang cerah / kehidupan yang selesa / gaji yang tinggi 2
6. Meningkatkan imej diri/keluarga/sekolah. 2
7. Dapat bekerja / berkhidmat / meneroka pasaran kerjaya di peringkat antarabangsa 2

**Kesimpulan**

Setiap ibu bapa hendaklah berusaha menjadikan anak-anak mereka cemerlang dalam pencapaian akademik demi masa depan mereka yang cerah. 2

Ibu bapa perlulah prihatin terhadap pencapaian akademik anak-anak mereka demi melahirkan golongan cendekiawan pada masa akan datang. 2

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
<b>Baik</b>	<b>18 – 20</b>	<b>9 – 10</b>	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
	<b>15 – 17</b>	<b>7 – 9</b>	
<b>Sederhana</b>	<b>12 – 14</b>	<b>6 – 7</b>	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
	<b>8 – 11</b>	<b>4 – 6</b>	
<b>Lemah</b>	<b>1 – 7</b>	<b>1 – 4</b>	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

**Nota :**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[ Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (**50%**) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) – Petikan umum**

- (i) Maksud rangkai kata boleh menjasakan nilai moral;  
 - dapat /akan merosakkan / meninggalkan kesan tidak baik / mengganggu / menggugat harga / kualiti / perkara-perkara baik 2
- (ii) Punca-punca:  
 - masalah perhubungan dalam keluarga 1  
 - ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan hidup 1  
 - perubahan sistem sosial dan persekitaran 1

**[Maksimum : 3 markah]**

- (iii) Usaha-usaha;  
 - belajar bersungguh-sungguh 1  
 - memberikan tumpuan sepenuhnya / fokus semasa guru mengajar 1  
 - belajar secara berkumpulan 1  
 - membuat jadual waktu belajar  
 - mengikuti kelas tambahan / tuisyen 1  
 - mengikuti program motivasi / kecemerlangan / bengkel teknik menjawab 1  
 - mengekalkan disiplin diri / mengamalkan gaya hidup sihat 1  
 - mengamalkan pemakanan yang berzat / seimbang 1  
 - memohon restu daripada ibu bapa 1  
 - berdoa 1

**[Maksimum : 4 markah]****Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen****Markah**

- (i) Bukti kesibukan ibu;  
 - ibu tidak boleh tinggal diam sepanjang hari 1  
 - ibu menajak menyisir selut di baruh 1  
 - ibu memikul gemal dan menanam benih-benih 1  
 - ibu mengejar burung apabila padi menguning 1  
 - ibu menuai padi apabila padi masak 1

**[Maksimum : 2 markah]**

- (ii) Cara-cara;  
 - memberikan perhatian / kasih sayang 1  
 - membantu membuat kerja-kerja di rumah 1  
 - membawa ibu pergi melancong / mengerjakan haji / umrah 1  
 - memberikan hadiah / belanja makan sempena Hari Ibu / ulang tahun 1

- tidak melakukan sebarang perbuatan yang menyakiti hati atau menyinggung perasaan ibu 1
- menggembirakan hati ibu 1
- sering menghubungi / menelefon / sms 1
- menziarahi / melawat / berkunjung ke rumah 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Pengajaran dalam petikan;

- Kita mestilah rajin / gigih berusaha mencari rezeki dalam kehidupan 1
- Kita hendaklah mencintai / menghargai sungai 1

Pengajaran dalam cerpen;

- Kita hendaklah bertanggungjawab menyara kehidupan keluarga 1
- Kita mestilah menyayangi ibu bapa yang telah membesarakan kita 1
- Setiap manusia mestilah tabah menghadapi dugaan hidup 1
- Kita hendaklah mengelakkan perbuatan yang boleh mencemarkan alam semula jadi / sungai 1

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2 (c) : Petikan prosa klasik**

(i) Maksud

- bertugas / berperanan menjaga / mengawasi kapal 2

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Awang Sulung Merah Muda ialah;

- seorang yang tampan / wajahnya berseri-seri bagi purnama empat belas haribulan 1
- budak hitam yang meminta tolong bayarkan hutangnya kepada Tuanku Nakhoda Tua
- orang yang dihalau oleh Tuanku Nakhoda Tua 1
- anak Tuanku Si Helang Laut 1
- cucu Tuanku Si Helang Mawai 1
- orang yang bertanggungjawab memeliharaikan gelung dan isinya 1

**[Maksimum : 3 markah]**

## (iii) Pandangan;

- membaca buku / kitab agama 1
- memperbanyak ibadat kepada Tuhan 1
- bermain / bermanja dengan cucu / cicit 1
- melibatkan diri dengan kerja suka rela / khidmat masyarakat 1
- beriadah untuk menyihatkan tubuh badan 1

[Maksimum : 3 markah]

**Soalan 2 (d) : Sajak**

## (i) Persamaan;

- hidup dalam kemiskinan 2
- menghadapi kesengsaraan dan penderitaan 2
- mempunyai ramai anak 2
- jujur / amanah / tidak mengambil hak orang lain 2
- berkongsi / menyebarkan ilmu yang dimiliki 2

[Maksimum : 2 markah]

## (ii) Cara-cara menangani;

- memberikan bantuan peralatan / kewangan / modal 1
- memperbanyak peluang pekerjaan 1
- mengajar pelbagai kemahiran 1
- memastikan semua rakyat mendapat pendidikan 1

[Maksimum : 3 markah]

## (iii) Persoalan;

- Persoalan pecah amanah oleh golongan berjawatan tinggi 2
- Persoalan kemiskinan hidup golongan petani dan nelayan 2
- Persoalan pembalasan tuhan atas setiap perbuatan 2
- Persoalan kegigihan mencari rezeki untuk menyara keluarga 2

[Maksimum : 4 markah]

**Peraturan Pemarkahan****Soalan 3**

Marlah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikah markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

**Jawapan 3(a)**

- (i) seniman
  - orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya (pelukis, penyair, penyanyi dan lain-lain)
  - bintang filem (lelaki) yang telah lama melibatkan diri dalam profileman
- (ii) budiman
  - berbudi, berakal, bijaksana
- (iii) hartawan
  - berharta, kaya
  - orang yang mempunyai harta, orang kaya
- (iv) karyawan
  - penghasil karya, pencipta
- (v) peragawati
  - perempuan yang memperagakan pakaian dan lain-lain yang dipakai
- (vi) olahragawati – perempuan yang terlatih, mahir atau mengambil bahagian dalam olahraga

Jawapan 3(b) Tukar ayat pasif kepada ayat aktif

- (i) Ibu bapa boleh menyelesaikan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak sekiranya mereka mengambil langkah pencegahan awal.
- (ii) Kebanyakan kolej dan universiti di negara kita telah menawarkan kursus perhubungan awam.
- (iii) Kita perlu menangani isu pembuangan bayi dengan segera demi menjaga imej negara.

Jawapan 3(c)

Kesalahan ejaan

- |                |   |             |
|----------------|---|-------------|
| 1. kucar kacir | - | kucar-kacir |
| 2. memupok     | - | memupuk     |
| 3. muhibbah    | - | muhibah     |

Kesalahan imbuhan

- |               |   |             |
|---------------|---|-------------|
| 1. pemakmuran | - | kemakmuran  |
| 2. melahirkan | - | dilahirkan  |
| 3. dipercayai | - | mempercayai |

Jawapan 3(d)

- (i) ingatan - kenangan  
dilupakan olehku - aku lupakan / kulupakan
- (ii) prihatin - perhatian  
di - pada
- (iii) mencantas - menebas  
tiap - setiap / tiap-tiap

Jawapan 3(e)

- (i) mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
- (ii) tikus membaiki labu

- (iii) tiada beban batu digalas / sarang tebuan jangan dijolok

#### Soalan 4

Markah penuh 15 markah

##### Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

###### Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Berikan 2 markah bagi tema yang tepat.  
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas  
(v) **Markah isi maksimum 4 markah.**  
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.  
(vii) Markah bahasa diberikan secara 'impression'  
    Baik = 3 markah  
    Sederhana = 2 markah  
    Lemah = 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah untuk satu latar masyarakat bagi setiap novel  
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas  
(v) **Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)**  
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.  
(vii) Markah bahasa diberikan secara 'impression'  
    Baik = 2 markah  
    Lemah = 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

**4(a) Tema****Novel Melunas Rindu**

Kasih sayang.

**Huraian**

1. Kasih sayang Fuad terhadap ibu dan bapa angkatnya. Fuad menyayangi Pak Ismail dan Mak Salmah. Fuad membeli tanah daripada Awang Sojar dan ditukar milik kepada Pak Ismail. Fuad membawa ibu dan bapa angkatnya menunaikan umrah.
2. Kasih sayang Fuad terhadap ibu dan bapa kandung. Fuad berusaha mencari kubur arwah ibunya.
3. Kasih sayang terhadap rakan / sahabat. Fuad mengambil berat akan ibu Farhana yang sakit di hospital.
4. Kasih sayang terhadap profesion / pekerjaan. Fuad bersungguh-sungguh mengajar murid-muridnya walaupun dia hanyalah guru sandaran di Sekolah Menengah Seri Setia.
5. Kasih sayang terhadap ibu. Farhana risau apabila mengetahui ibunya sakit dan bergegas ke hospital. Dia juga menjaga dan menuapkan makanan kepada ibunya.
6. Kasih sayang terhadap saudara. Fuad menyayangi sepupunya dengan membayarkan yuran Ah Soh dan membuka akaun untuk Siew Lan, anak bapa saudaranya.
7. Kasih sayang terhadap anak angkat. Pak Ismail sayang akan Fuad dengan berasa risau akan keselamatan Fuad yang belum pulang dari hutan sedangkan waktu sudah hampir senja.

**Kabus Di Perbukitan.****Jati diri bangsa Melayu****Huraian**

1. Faridah yang bermastautin di Rosewood, New Zealand tidak pernah melupai tanah tumpah darahnya Malaysia walaupun sudah 25 tahun menetap di Rosewood.
2. Faridah masih menggemari masakan Melayu iaitu kari yang juga merupakan masakan kegemaran anaknya Anne.
3. Faridah masih mengekalkan panggilan namanya dengan nama Melayu iaitu Idah. Faridah juga masih gemar berbaju kurung.
4. Faridah masih kuat berpegang pada agama Islam yang menjadi pegangan kuat bangsa Melayu.
5. Faridah kembali ke tanah air dan membuat keputusan menetap di Malaysia.

6. Faridah mendengar radio 1 (Malaysia) melalui internet.
7. Walaupun sudah 25 tahun tinggal di New Zealand, Faridah tidak pernah menukar kewarganegaraan Malaysia.

**4 (b) Latar masyarakat**

**Novel Melunas Rindu**

1. Masyarakat yang berpegang kuat pada ajaran agama.  
Contoh, Pak Ismail, Fuad dan Mak Salmah sentiasa menunaikan solat berjemaah di surau.
2. Masyarakat yang pelbagai bangsa.  
Contoh, Fuad yang berketurunan Cina kemudian memeluk agama Islam, bapa Fuad, Robert Lim yang berkahwin dengan ibu Fuad, Mariana.
3. Masyarakat yang mengenang jasa.  
Contoh, Fuad yang membayar yuran sepupunya Ah Soh dan Siew Lan kerana jasa bapa saudaranya yang telah membeskannya.
4. Masyarakat guru.  
Contoh, Cikgu Abas, Cikgu Zamani, dan Cikgu Farhana yang bertugas di Sekolah Menengah Seri Setia, menggambarkan kehidupan rutin seorang guru yang mengajar di sekolah.
5. Masyarakat yang sedar akan kesalahan dirinya dan berusaha memperbaikinya.  
Contoh, Fuad berusaha mengambil hati Mak Salmah kerana sedar kesalahannya milarikan Sofia.
6. Masyarakat yang bertanggungjawab.  
Contoh, sebagai seorang guru, Fuad berusaha untuk meningkatkan prestasi bahasa Inggeris pelajar-pelajarnya dengan mengadakan kelas tambahan dan berbincang dengan Farhana untuk mengadakan program bahasa Inggeris.
7. Masyarakat yang gigih berusaha.  
Contoh, Fuad berusaha mencari ibu kandungnya yang disangkanya telah meninggal dunia dan terus berusaha menjelakinya setelah megetahui ibu kandungnya masih hidup.
8. Masyarakat penyayang.  
Contoh, sebagai seorang anak, Farhana sangat sayang akan ibunya dengan menjaga ibunya yang sakit di hospital dan meyuapkan makanan kepadanya.

**Novel Kabus di Perbukitan**

1. Masyarakat universiti yang berwawasan  
Contoh, Azrul dan Rahayu merupakan pelajar UPM mempunyai hala tuju yang jelas dalam kehidupan, cuma Rahayu tidak dapat meneruskan perjuangannya kerana penyakit kanser.

2. Masyarakat yang mengalami perpecahan dalam keluarga.  
Contoh, Rahayu dan Faridah merupakan saudara kembar terpaksa berpisah disebabkan perceraian antara ibunya Salmah dan Kamarudin. Rahayu telah mengikut bapanya sementara Faridah tinggal bersama ibunya di kampung.
3. Masyarakat pelbagai bangsa.  
Contoh, berlaku perkahwinan campur iaitu antara Faridah dengan Soleh Johnson yang berasal dari New Zealand. Anak Faridah, Melina pula berkahwin dengan Benny berketurunan Arab.
4. Masyarakat yang ekstrim dalam memperjuangkan ajaran Islam.  
Contoh, Mohamed Attar seorang yang ekstrim dan cuba mempengaruhi Benny agar berjihad dan akhirnya dia ditangkap oleh polis antarabangsa.
5. Masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama dan budaya.  
Contoh, walaupun Faridah telah menetap di New Zealand selama 25 tahun, dia tetap berpegang teguh pada agama, adat dan budaya Melayu.
6. Masyarakat yang tabah melawan penyakit.  
Contoh, Rahayu yang tabah menjalani rawatan kemoterapi dan penderitaan penyakitnya hingga dia menghembuskan nafas yang terakhir.
7. Masyarakat yang mengamalkan budaya kerjasama dan saling membantu.  
Contoh, masyarakat muslim Christchurch bekerjasama mengadakan majlis sambutan hari raya dan majlis ini berjalan dengan lancar.

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT